



UCAPAN ALUAN

OLEH

**YBRS. DR. MUHAMMAD RAWI BIN MOHAMED ZIN
TIMBALAN KETUA PENGARAH
PROGRAM PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN TEKNOLOGI
AGENSİ NUKLEAR MALAYSIA**

**MAJLIS PERASMİAN PENUTUP
PROGRAM SATELİT
TEKNOLOGI NUKLEAR SANTUNI KASİH RAKYAT
SEMPENA PROGRAM MADANI RAKYAT 2025 KELANTAN**

8 OGOS 2025 (JUMAAT)

**JETI KASİH, KAMPUNG PASIR PEKAN TENGAH,
TUMPAT, KELANTAN**

(Salutasi terkini akan diletakkan di rostrum)

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMMAD YUSOF BIN APDAL

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

**YANG BERBAHAGIA DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM
BIN HJ. AHMAD**

Ketua Setiausaha

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

YANG BERUSAHA PUAN FARAH ADURA BINTI HAMIDI

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

**YANG BERBAHAGIA DATUK TS. DR. MOHD NOR AZMAN
BIN HASSAN**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi)

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

YANG BERUSAHA PUAN RUZIAH BINTI SHAFEI

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains)

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Masyarakat

Rakan-Rakan Media, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan sidang hadirin yang
dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani

1. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi kerana sudi untuk hadir dan seterusnya merasmikan **Program Satelit “Teknologi Nuklear Santuni Kasih Rakyat”** sempena **Program Madani Rakyat 2025 Kelantan** pada pagi ini.
2. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya kita diizinkan untuk menganjurkan **Program Satelit “Teknologi Nuklear Santuni Kasih Rakyat”** sempena **Program Madani Rakyat 2025 Kelantan**. Program Satelit ini adalah anjuran Agensi Nuklear Malaysia dengan kerjasama rakan kolaborasi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Persatuan Pemilik Bot dan Rakit Pasir Pekan.
3. Untuk makluman semua, **Program Satelit “Teknologi Nuklear Santuni Kasih Rakyat”** ini buat julung-julung kali dianjurkan sempena penganjuran Program Madani Rakyat 2025 Kelantan. Program MADANI Rakyat: Merealisasikan Aspirasi Nasional merupakan manifestasi komitmen kerajaan dalam merealisasikan Malaysia MADANI yang menyantuni rakyat. Melalui program ini, kita berusaha untuk memastikan faedah sains, teknologi dan inovasi dapat dirasakan oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira lokasi geografi mahupun latar belakang sosio-ekonomi.

Yang Berhormat, Dato', Dr., Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

4. Untuk kali ini, pihak jawatankuasa penganjur telah memilih tema **“Teknologi Nuklear Santuni Kasih Rakyat”**. Tema ini dipilih sebagai refleksi kepada Nilai Teras Malaysia MADANI yang mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat melalui pendekatan sains dan teknologi nuklear yang bermanfaat. Pemilihan tema ini adalah bertujuan untuk:

- i. **Mengubah Persepsi Masyarakat**, tema ini dipilih untuk mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap teknologi nuklear dengan menekankan aspek "santuni kasih" iaitu bagaimana teknologi ini sebenarnya direka untuk membantu dan meningkatkan kualiti hidup rakyat.
- ii. **Selaras dengan Malaysia MADANI**, tema ini sejajar dengan tunjang Malaysia MADANI yang menekankan aspek "Menyantuni" iaitu memastikan teknologi canggih seperti teknologi nuklear dapat memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira status sosio-ekonomi.
- iii. **Pendekatan Holistik**, tema ini mencerminkan pendekatan holistik dalam pembangunan teknologi bukan sekadar membangunkan teknologi untuk kemajuan semata-mata tetapi memastikan teknologi tersebut membawa impak positif dan bermanfaat kepada kehidupan seharian rakyat dalam bidang kesihatan, pertanian, industri dan alam sekitar.

Yang Berhormat, Dato', Dr., Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

5. Untuk makluman, Kampung Pasir Pekan Tengah dipilih kerana pelaksanaan projek pembangunan jeti terapung biokomposit di bawah inisiatif **Kampung Angkat MADANI, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)**. Jeti terapung ini merupakan hasil inovasi penyelidik Nuklear Malaysia yang menggunakan bahan biokomposit mesra alam serta modul apungan khas dan berfungsi sebagai hub penyaluran bantuan ketika banjir, laluan operasi untuk pasukan penyelamat dan sebagai daya tarikan pelancongan berlatar belakang Sungai Kelantan.
6. Dalam masa yang sama, program ini turut mengetengahkan projek pertanian berasaskan teknologi nuklear khususnya projek penanaman padi di bawah Projek Dana Penyelidikan Strategik (SRF) salah satu inisiatif pembiayaan di bawah Dana Pemacu Teknologi Strategik (PEMACU) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di beberapa kawasan di Kelantan seperti Melor dan Pasir Mas yang berkeluasan 5 hektar. Sebanyak 10 titisan padi termaju telah berjaya dihasilkan melalui projek SRF bertajuk "Development and Commercialization of Climate-Resilient Rice Varieties to Increase National Yield Production". Kejayaan ini adalah hasil dari kerjasama Agensi Nuklear Malaysia dengan pelbagai universiti iaitu UPM, UKM, UiTM dan lain lain pihak yang terlibat dengan industri penanaman padi. Penumpuan kajian ialah menjurus kepada penghasilan varieti padi yang tahan kepada perubahan cuaca yang tidak menentu. Hasil awal kajian juga telah

mendapati bahawa ada titisan padi termaju mampu tumbuh dalam keadaan kekurangan air, matang awal, hasil tinggi dan juga tahan kepada penyakit utama tanaman padi.

7. Selain daripada dua (2) produk yang dinyatakan tadi, pelbagai aktiviti termasuk perkongsian ilmu berkaitan teknologi nuklear, pameran teknologi, pertandingan memancing, sukan rakyat dan mewarna canting. Maklum balas penyertaan yang diterima amat menggalakkan. Sokongan ini membuktikan bahawa masyarakat Kelantan mempunyai minat yang tinggi untuk mengetahui lebih lanjut tentang perkembangan sains dan teknologi.
8. Saya berharap program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi memastikan objektif kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dalam bidang sains dan teknologi dapat dicapai.

Yang Berhormat, Dato', Dr., Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

9. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini. Diharapkan segala perkongsian ilmu dan pengalaman berkaitan teknologi nuklear yang diperoleh sepanjang program ini dapat dimanfaatkan secara berterusan, bukan sahaja dalam kehidupan seharian, malah dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

10. Saya juga ingin merakamkan setulus penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program ini. Semoga penganjuran program seperti ini dapat terus menjadi platform yang berkesan dalam merakyatkan teknologi nuklear kepada masyarakat, selari dengan aspirasi Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2030 dengan tema Nuklear Untuk Rakyat (N.U.R).

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah. Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.